

HASiL/2026/03/05 - 18

PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN:

HASiL #QURANHOUR

PETALING JAYA, 5 MAC 2026 – Sempena mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak yang penuh kemuliaan dan keberkatan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam HASiL (PERKIS) serta rakan strategik, Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), sekali lagi menganjurkan Program Pembudayaan Al-Quran: HASiL #QuranHour pada tahun ini.

Program ini dilaksanakan sejajar dengan konsep #WorldQuranHour yang menggalakkan keterlibatan umat Islam di seluruh dunia dalam usaha memartabatkan Al-Quran sebagai panduan utama kehidupan.

Majlis yang berlangsung dengan penuh takzim di Masjid Damansara Perdana, Petaling Jaya itu berjaya menghimpunkan hampir 500 orang peserta. Mengangkat tema “Membentuk Manusia Sebelum Membina Dunia”, inisiatif ini menekankan pembinaan kekuatan dalaman insan serta komitmen berterusan dalam memartabatkan agama Islam dan menyemarakkan budaya membaca, memahami serta menghayati Al-Quran sebagai panduan memperkukuh jati diri warga kerja HASiL.

Selain itu, penganjuran program ini juga menjadi platform strategik dalam membudayakan Al-Quran bagi memperluaskan impak Al-Quran dalam kehidupan seharian termasuk dalam konteks pelaksanaan tugas sebagai penjawat awam yang berintegriti, berakauntabiliti dan berteraskan nilai-nilai murni.

Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Khairul Halimin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas), dan diserikan lagi dengan kehadiran pengurusan kanan HASiL, tetamu jemputan serta warga kerja HASiL di sekitar Lembah Klang.

Berucap pada majlis tersebut, YBhg. Dato' Khairul Halimin Abdul Halim berkata program HASiL #QuranHour bukan sekadar aktiviti tahunan, malah merupakan wadah memperkukuh pembudayaan Al-Quran dalam kalangan warga kerja HASiL. Beliau menegaskan bahawa penghayatan Al-Quran perlu diterjemahkan dalam bentuk amalan dan integriti ketika melaksanakan tugas sebagai penjawat awam.

Mengulas tema "Membentuk Manusia Sebelum Membina Dunia" yang diilhamkan daripada Surah Al-Muzzammil, beliau berkata pembinaan kekuatan rohani, disiplin dan istiqamah adalah asas dalam melahirkan warga kerja yang beramanah, berakauntabiliti serta berteraskan nilai ihsan.

Program ini turut dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti kerohanian termasuk Majlis Khatam Al-Quran, Tadabbur Surah Al-Muzammil serta Bicara Ramadan yang memberi suntikan motivasi kepada para peserta. Selain itu, pelaksanaan Solat Zohor berjemaah dan aktiviti gotong-royong di Masjid Damansara Perdana turut

menyemarakkan semangat kebersamaan serta komitmen terhadap kesejahteraan komuniti.

HASiL percaya pendekatan holistik yang digerakkan mampu menjadi pemangkin kepada pembudayaan Al-Quran sebagai sumber rujukan utama kehidupan, seterusnya membentuk individu yang bertanggungjawab selaras dengan aspirasi organisasi dan tuntutan agama.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 5 Mac 2026

LAMPIRAN



YBhg. Dato' Khairul Halimin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas) menyampaikan ucapan sempena perasmian Program Pembudayaan Al-Quran: HASiL #QuranHour.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas) menyerahkan sumbangan kepada tetamu jemputan diiringi oleh Encik Mohd Husni Mohd Noor, Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Islam HASiL (PERKIS).



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Cawangan Khas) bergambar kenang-kenangan bersama-sama dengan tetamu yang hadir memeriahkan program pada hari ini.